

Faks : 237605

Tel :

088-252692

Bil :

KEW(S)100-15/1/41 Klt.19

Tarikh :

6 Julai 2007



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

PENGGANTIAN KENDERAAN KHAS KETUA JABATAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sila maklum bahawa semua kenderaan khas yang diperuntukkan kepada Ketua-ketua Jabatan yang layak yang telah menjangkau hayat ekonomi seperti yang ditetapkan, iaitu 6 (enam) hingga 7 (tujuh) tahun, hendaklah digantikan dengan kenderaan khas baru jenis Proton Perdana V6.

3. Mana-mana Ketua Jabatan yang belum berbuat demikian, adalah diingatkan untuk mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan. Sekiranya ada sesetengah Ketua Jabatan memilih untuk memiliki kenderaan khas yang sekarang digunakan (dibekalkan), kebenaran adalah diberikan untuk memiliki kenderaan tersebut melalui penggunaan kelayakan yang diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah bil. 2/2005 (PPNS) bertarikh 29 Mac 2005 berasaskan perenggan 3.3(4) dan perenggan 6.1, dan seterusnya melepaskan kelayakan yang diberikan apabila bersara kelak.

Sekian, terima kasih.

"JIMAT DAN PRODUKTIF"


(Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim, PGDK)
Setiausaha Tetap

HARGAILAH KEHIDUPAN ANDA - JAUHILAH DADAH

KEW(S)100-15/41 Klt.19
6 Julai 2007

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU
(*Surat ini dikeluarkan dengan persetujuan
Setiausaha Kerajaan Negeri*).